



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Sabtu, 19 Februari 2022	
1	Peniaga diigatkan tidak ambil kesempatan naikkan harga makanan
2	Dulu persara guru, kini penternak
3	Daging Charolais dijual RM27 sekilogram
4	Daging Charolais subsidi YB laris
5	Discounts - for - needy initiative pays off

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSI**

Peniaga diingatkan tidak ambil kesempatan naikan harga makanan

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada para peniaga di Johor Bahru supaya tidak menaikkan harga makanan ketika musim Pilihan Raya Negeri (PRN) di negeri itu. Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan di serata Johor akan dilakukan bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga yang melampau.

Menurutnya, pengguna diminta membuat aduan sekiranya mengesan kenaikan harga mendadak bagi membolehkan siasatan dan tidak segera diambil. "Kita akui ada sebahagian peniaga yang mengambil kesempatan setiap kali PRN, jadi pengguna perlu menghantar aduan kepada pihak KPDNHEP, jika terdapat sebarang pencatutan.

"Bila adanya aduan, ia memudahkan pegawai KPDNHEP untuk menyiasat dan mengenakan kompaun sekiranya mendapati harga makanan atau barangan yang dijual kepada pengguna tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas berakhirnya Walkabout, kebersediaan

barangan keperluan pengguna di kawasan luar bandar di Pasaraya BS Freshmart Bukit Goh di sini pada Jumaat.

Beberapa hari lalu, terdapat pelbagai dakwaan berhubung kenaikan harga makanan yang mendadak disebabkan berlaku PRN di Johor.

Pengguna mendakwa trend kenaikan harga makanan berlaku setiap kali berdepan dengan musim pilihan raya.

Mengulas lanjut, Rosol menasihatkan peniaga tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna untuk memperoleh keuntungan lebih sepanjang berlangsung PRN tersebut.

"Semua rakyat terjejas pendapatan bukan sahaja disebabkan pandemik Covid-19, tetapi juga musibah banjir, jadi semua orang tengah susah. Kita sebagai Keluarga Malaysia patut sesama memahami antara satu sama lain," katanya.

Rosol turut meminta peniaga luar bandar untuk tidak menaikkan harga barangan terutama keperluan harian termasuk ayam dan telur atas alasan kos logistik.

Katanya, beberapa aduan daripada



Rosol (kiri) melihat bekalan telur ketika Walkabout, kebersediaan barangan keperluan pengguna di kawasan luar bandar di Pasaraya BS Freshmart Bukit Goh, Kuantan pada Jumaat.

pengguna diterima berhubung kenaikan harga ayam melampau membabitkan kawasan luar bandar.

"Kita sudah tetapkan harga kawalan bagi ayam adalah RM8.90 sekilogram untuk peruncit namun kita mendapat aduan ada segelintir pihak yang menjualnya sehingga RM11 sekilogram.

"Penaig tidak boleh memberi alasan jauh daripada bandar dan kos peng-

angkutan lebih tinggi kerana harga kawalan yang ditetapkan selepas dibuat kajian terperinci termasuk kos pengangkutan," katanya.

Untuk rekod, sejumlah 112,879 pemeriksaan telah dilaksanakan KPDNHEP di seluruh negara sejak awal tahun ini dan daripada jumlah itu, sebanyak 21,058 premis atau 19 peratus adalah di kawasan luar bandar.

Dulu pesara guru, kini penternak

Zainol Abidin berjaya menjual 100 ekor lembu untuk ibadah korban ketika pandemik

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

KUBANG PASU

Seorang pesara guru tidak menyangka niatnya mahu mengembirakan arwah ibunya yang sakit empat tahun lalu telah mengubah hidupnya menjadi seorang penternak.

Zainol Abidin Mohamad, 63, memberitahu, ia bermula sekitar tahun 2018 apabila dia membuat keputusan membeli sepasang lembu dan kambing sebagai terapi untuk arwah ibunya, Bibi Fatimah Abdul yang tidak sihat. "Ibu saya sangat sukakan haiwan, oleh sebab itu saya hadiahkan lembu dan kambing untuk mengembirakan dia dan kuatkan semangatnya melawan sakit.

"Kesemua haiwan ternakan tersebut ditempatkan di kebun kami, dan alhamdulillah ibu pun beransur sihat ketika itu," katanya ketika ditemui di ladang penternakan Fatimah MZ Agro Farm di Jalan Sintok di sini pada Jumaat.

Menurutnya, pada tahun 2020 ketika pandemik Covid-19 melanda negara, dia tidak dapat meneruskan kerjaya sebagai guru tuisyen dan banyak masa dihabiskan bersama haiwan ternakan tersebut.

"Ketika itu, kedua-dua haiwan ini telah membiak sehingga saya terpaksa membina kandang untuk keselesaan mereka," katanya.

Zainol Abidin menambah, lama-kelamaan penternakannya semakin berkembang sehingga dia mula menerima permintaan untuk menjalankan ibadah korban pada tahun itu.

"Saya tidak sangka buat pertama kalinya saya berjaya menjual 100 ekor lembu untuk ibadah korban walaupun dalam keadaan pandemik ketika itu.

"Ia satu pengalaman yang ber-

harga dan menyuntik semangat saya untuk terus menjadi penternak yang berjaya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," katanya.

Menurutnya, ladang penternakan seluas empat hektar itu menempatkan 42 ekor rusa, 163 ekor lembu dan 210 ekor kambing pada ketika ini.

"Apabila semakin banyak permintaan, saya mula menambah haiwan ternakan dan kesemua haiwan di sini dijaga dengan rapi oleh pekerja terlatih.

"Saya juga mengutamakan sumber makanan haiwan yang halal dan sihat selain memastikan mereka menerima suntikan vaksin secukupnya daripada veterinar untuk mengelak sebarang penyakit berjangkit," katanya.

Tambah Zainol Abidin, melihat sambutan orang ramai yang gemarkan suasana kampung, dia kini dalam perancangan untuk memperkenalkan konsep agro pelancongan.

"Kami juga akan menawarkan masakan dengan konsep *from farm to table* iaitu makan malam



Zainol Abidin (kiri) menerima kunjungan Setiausaha Politik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ahmad Darus di ladang penternakannya di Jalan Sintok, Kubang Pasu.

di sini secara tempahan yang dimasak oleh tukang masak khas. "Menu popular yang sering ditempah oleh pelanggan adalah kurma kambing," katanya yang mengusahakan ladang berkenaan

bersama dua anaknya, Mohd Alias, 29, dan Mohd Hanif, 27.

Tambahnya, satu ruang di tepi sungai akan dibina untuk pelanggan bersantai sambil makan malam dalam suasana kampung.

Daging Charoley dijual RM27 sekilogram

TUMPAT - Penduduk di kawasan Wakaf Bharu, Tumpat di sini berpeluang membeli daging lembu Charoley pada harga lebih murah apabila menerima subsidi RM5 sekilogram.

Ahli Parlimen Tumpat, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, RM5 subsidi berkenaan adalah sumbangan beliau bagi meringankan bebanan penduduk kampung mendapatkan daging berkenaan melalui jualan Keluarga Malaysia di SK Frozen Sdn Bhd di sini.

“Sebelum ini kita beli sekilogram daging pada harga RM32, tapi hari ini saya bagi subsidi RM5, maka mereka

perlu bayar RM27 sahaja. Kita guna lembu jenis Charoley yang besar dengan nilai subsidi RM10,000 seekor.

“Insya-ALLAH kita tumbangkan seekor pada Jumaat dan seekor lagi pada hari Sabtu. Semoga ia dapat memberi peluang kepada penduduk untuk membeli barangan yang dijual di pasar raya berkenaan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini pada Jumaat.

Jualan Keluarga Malaysia berkenaan diadakan selama dua hari iaitu pada Jumaat dan Sabtu dari jam 9 pagi hingga 6 petang.



Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli daging lembu yang diberi subsidi RM5 sekilogram pada jualan Keluarga Malaysia baru-baru ini.

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Jualan daging lembu baka Charolais pada harga RM27 sekilogram mendapat sambutan hangat daripada pengunjung sempena Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Kampung Belukar di sini, semalam.

Harga lembu berkenaan diberikan subsidi oleh Ahli Parlimen Tumpat Datuk Che Abdullah Mat Nawi dalam usaha meringankan beban penduduk di daerah itu.

Che Abdullah berkata, dua lembu berkenaan dibeli pada harga RM20,000 sebagai bantuan kepada orang ramai untuk menikmati daging pada harga mampu milik.

"Daging lembu kini dijual pada harga sekitar RM32 hingga RM34 sekilogram, namun saya mengambil pendekatan untuk memberikan sedikit subsidi dan pengunjung boleh membeli pada harga RM27 sekilogram."

"Selain membantu rakyat, pendekatan ini saya lakukan untuk menyokong program PJKM yang dilaksanakan kerajaan untuk memberi manfaat besar kepada orang ramai," katanya.

Menurutnya, disebabkan harga jualan agak murah, pihaknya mengehendkan setiap pembeli hanya boleh membeli dua kilogram setiap seorang.

Tinjauan mendapati orang ramai sudah membanjiri perkarangan tapak program seawal jam 9 pagi untuk mendapatkan barangan yang dijual.

Bagi Siti Amiria Awang, 50, dia bersama suami, Azman Abdul Razi, 52, tidak melepaskan peluang singgah di premis itu sebaik mendengar berita tentang jualan ini.

DIJUAL PADA HARGA RM27 SEKILOGRAM

DAGING CHAROLAIS SUBSIDI YB LARIS



ORANG ramai membeli daging lembu baka Charolais pada program PJKM, semalam.
- Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

mun dengan masing-masing membimbit plastik penuh dengan barang makanan.

Menurutnya, mereka yang dalam perjalanan untuk ke kebun pisang di Kampung Delima, di sini, terus singgah sebaik dimaklumkan ada jualan pada harga mampu milik.

"Kami juga membeli dua kilogram daging lembu kerana harganya sangat murah," katanya.





Mohd Hairul (right) inspecting the price of chicken during a Malaysian Family Sales Programme event in Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam in Johor Baru.

Discounts-for-needy initiative pays off

RM1.8mil in sales encourages ministry to take programme to rural communities in Johor

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

DOMESTIC Trade and Consumer Affairs Ministry will expand its Malaysian Family Sales Programme to rural areas next month.

Its Johor director Mohd Hairul Anuar Bohro said the programme had managed to gain RM1.8mil worth of sales since it started in December last year, with more than 500,000 visitors.

"The focus is to help B40 families in Johor by offering them daily necessities at prices up to 20% cheaper than the market price.

"So far, feedback from the locals has been positive and to date, we have conducted 95 events under this programme with total sales amounting to RM1.8mil," he said.

The programme is held twice a month at 26 parliamentary constituencies in Johor.

Mohd Hairul was speaking with reporters while attending the programme at Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam in Johor Baru.

He said the ministry looked forward to continuing collaboration with government agencies and supermarkets to ensure the programme would continue to offer goods such as chicken, fish, frozen seafood, cooking oil, vegetables, rice and eggs at lower prices.

"Aside from people's housing projects, we have also held this programme in the vicinity of supermarkets that are frequented by B40 families.

"It is the government's objective to ease the burden of needy families by helping them to get their daily necessities," he added.

Mohd Hairul said the department had worked with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), Fisheries Development Authority (LKIM), Econsave hypermarkets, Lotus's Malaysia, Hwa Thai Supermart and other SMEs to see the initiative through.

He also urged consumers to use the ministry's Price Catcher app to get the best deals and offers from supermarkets near them before making any purchase.

"At least 480 types of products are available on the app, which is updated daily with the latest promotions and locations of participating supermarkets.

"There are more than 1,500 premises to choose from," he added.

The programme is held every first and third weekend of the month, from 8am to 1pm.